

# Projek perintis IPSAS tingkat keyakinan diri bekas penagih dadah

**Serdang:** Modul Bimbingan Kepimpinan Diri Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Agenzi Antidadah Kebangsaan (AADK) terbukti memulihkan masalah ketagihan dadah.

Program dijalankan ke atas 20 pengguna dadah selama setahun berupaya meningkatkan keyakinan diri bekas penagih berhadapan masyarakat dan membina hidup baharu.

Ketua Laboratori Kewarganegaraan dan Kepimpinan Belia Institut Pengajian Sains Sosial, UPM merangkap Pengasas Modul Bimbingan Kepimpinan Diri, Prof Madya Dr Hanina H Hamisan, berkata projek perintis membabitkan individu orang keena pengawasan (OKP).

Beliau berkata, program dijalankan 12 bulan membabitkan belia berusia antara 20 sehingga 40 tahun, antaranya memerlukan mereka menulis jurnal perkembangan diri sepanjang tiga hari pertama.

Catatan sedemikian, katanya, bertujuan memastikan peserta sedar siapa diri mereka dan apa yang dilakukan sepanjang tempoh pemulihan.

“Tahap kesedaran penagih tidak seperti orang yang tidak berada di bawah pengaruh dadah. Selepas tiga hari, mereka sedar siapa mereka dan kenapa perlu berubah,” katanya.

Dr Hanina berkata demikian pada Program Kampus Bebas Dadah di UPM di Serdang, baru-baru ini. Yang turut hadir, Pengarah AADK Selangor, Dr Nazira Sadiron.

Katanya program itu tidak membabitkan sebarang penggunaan ubat kerana lebih tertumpu kepada keinginan diri untuk berubah tetapi mempunyai sokongan rawatan sedia ada seperti metadone bagi mengatasi ketagihan.

Perjumpaan diadakan selepas sebulan dan tiga bulan yang membuktikan mereka berjaya menghentikan pengambilan dadah.

“Program ternyata berhasil apabila peserta berjaya membina hidup lebih bermakna seperti menjadi penggerak masyarakat dan berniaga,” katanya.

Sementara itu, Dr Nazira berkata, 118 pelajar sekolah menengah di Selangor dikesan mengambil dadah menerusi ujian saringan yang dijalankan AADK negeri sepanjang Januari hingga November 2019.

“Pelajar berusia antara 13 hingga 17 tahun itu menjalani bimbingan dan kaunseling pihak sekolah dengan pengawasan AADK, polis dan Jabatan Pendidikan Negeri,” katanya.